



Ruj. Kami : JANM.BPPP.500-3/2/1 (6)
Tarikh : 24 Julai 2020

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN GRED W36 KE GRED W40 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan pemangkuan jawatan Penolong Akauntan Gred W36 ke Gred W40 berdasarkan kepada syarat-syarat pemangkuan seperti berikut:

- 2.1. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.2. Telah dilantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W36 pada **31 Disember 2012 dan sebelumnya**;
- 2.3. **Tidak hilang kekananan** yang boleh menyebabkan tarikh lantikan tetap sebagai Penolong Akauntan Gred W36 berubah ke tarikh 01 Januari 2013 dan seterusnya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:
 - i) Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
 - ii) Cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;

- iii) Pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya; dan
 - iv) Tidak hadir bertugas.
- 2.4 Mencapai markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) **tidak kurang 80%**;
- 2.5 Kelulusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) - **salinan disertakan salinan hendaklah disertakan bersama-sama permohonan**;
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan (sertakan salinan penyata terkini pinjaman pendidikan bagi pegawai yang masih belum melunaskan pinjaman);
- 2.8 Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh dicetak melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM). Hanya calon-calon yang **bersedia untuk ditukarkan ke tempat lain** mengikut kekosongan sedia ada sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak *online* melalui ePerkhidmatan Pemangkuan (e-Borang JANM/M4);
- 3.2 Satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemas kini;
- 3.3 Salinan Kelulusan Perisytiharan Harta yang terkini (dalam tempoh 5 tahun);
- 3.4 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan; dan

3.5 Salinan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) bagi Tahun 2017, 2018 dan 2019.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan juga adalah dimohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai dari Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan ke Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM sebelum atau pada 24 Ogos 2020 di alamat:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, No.1, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62594 W.P.PUTRAJAYA
(u.p: Urus Setia Kenaikan Pangkat)

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JANM. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel Jabatan @anm.gov.my
1.	Puan Jesseca Anak Randi	03-88821094	jesseca.randi
2.	Cik Nurul Asma binti Nordin	03-88821093	nurul.asma


7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(ANIS MASTURA BINTI AZIZAN)

Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan

b.p. Akauntan Negara Malaysia

☎ 03-88821100

E-mel: anis.azizan@anm.gov.my

s.k : ANM

TAN (K)

TAN (O)

P (BPPP)

TP (SKPSM)